



PROSEDUR PENSIJILAN HALAL SEPANJANG PANDEMIK COVID- 19

**BAGI PERMOHONAN YANG DIURUSKAN OLEH BAHAGIAN
PENGURUSAN HALAL, JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI
JOHOR**

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kini memasuki fasa selanjutnya untuk memutuskan rantai jangkitan Covid-19. Secara langsung, ia memberi kesan kepada kelancaran proses permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) yang menjadi keperluan kepada penggiat industri untuk meningkatkan keyakinan pengguna. Justeru, mengambil kira perkembangan, pandangan serta situasi yang melanda dunia global maka JAKIM dan JAIN/MAIN telah membangunkan prosedur khusus bagi membolehkan operasi permohonan SPHM berjalan lancar seperti berikut :



1

PERMOHONAN

- ✓ Pemohon membuat dan menghantar permohonan secara online ;
- ✓ Dokumen sokongan bagi permohonan yang telah dihantar hendaklah die-melkan kepada pengurusanhalalpkp@gmail.com ;
- ✓ Dokumen sokongan yang perlu dihantar adalah berdasarkan skim sebagaimana yang dinyatakan dalam sistem myehalal kecuali:-
 - A. SSM (tidak termasuk syarikat yang pertama kali memohon);
 - b. Penyata kewangan syarikat (tidak termasuk pusat konvensyen/katering/dapur hospital & syarikat yang pertama kali memohon);
 - C. Salinan Sijil Bahan Mentah/Ramuan Yang Dipersijilkan Halal Oleh JAKIM Atau JAIN/MAIN;
- ✓ Pemohon hendaklah menghantar surat akujanji yang menyatakan bahawa kesemua maklumat adalah benar dan telah disemak serta status bahan mentah/ramuan tidak meragukan; dan
- ✓ Dokumen sokongan hardcopy bagi permohonan yang telah selesai diproses dalam tempoh pkp hendaklah dihantar ke Bahagian Pengurusan Halal, JAINJ dalam tempoh 14 hari bekerja selepas tempoh pkp tamat atau **diposkan** ke alamat seperti dibawah :

Aras 1, Blok A,
Bahagian Pengurusan Halal,
Jabatan Agama Islam Negeri Johor,
Pusat Islam Iskandar,
Jalan Masjid Abu Bakar,
80990 Johor Bahru
Johor
Tel : 07-2282943



2

PEMBAYARAN FI

- ✓ Pengeluaran surat caj melalui sistem MYeHALAL;
- ✓ Semakan status bayaran fi melalui sistem MYeHALAL;
- ✓ Penyediaan Bank Deraf atau Kiriman Wang Pos;
- ✓ Bank Deraf atau Kiriman Wang Pos **beserta surat caj** hendaklah dihantar ke alamat:-

Aras 1, Blok A,

Bahagian Pengurusan Halal,

Jabatan Agama Islam Negeri Johor,

Pusat Islam Iskandar,

Jalan Masjid Abu Bakar,

80990 Johor Bahru

Johor

Tel : 07-2282943

(U.P : HAJI MUSTAFA BIN OMAR)

- ✓ Pemakluman status bayaran kepada BPH JAINJ hendaklah dihantar melalui e-mel pengurusanhalaipkp@gmail.com (sertakan gambar salinan Bank Deraf atau Kiriman Wang Pos yang diambil dan tracking number postage beserta surat caj sebagai bukti penghantaran).



3

PENGAUDITAN LAPANGAN

- ✓ Permohonan Baharu (permohonan kali pertama, penambahan premis/outlet) dan permohonan skim Rumah Sembelih akan melalui peringkat pengauditan lapangan setelah tamat tempoh PKP (akan dimaklumkan dari semasa ke semasa).
- ✓ Bagi permohonan pembaharuan untuk skim Rumah Sembelih akan menerima surat khas daripada JAINJ.



4 PENGELUARAN SPHM

- ✓ Permohonan Nota Konsainan boleh dikemukakan seperti biasa melalui e-mel consignhalal.jakim@gmail.com dan ia akan dihantar melalui e-mel kepada pemohon;
- ✓ Sebarang urusan berkaitan pasca pensijilan boleh dihantar melalui pengurusanhalalpkp@gmail.com
- ✓ Surat makluman keputusan permohonan beserta lampiran produk akan dihantar melalui e-mel sepanjang pandemik Covid-19; dan
- ✓ SPHM hanya akan dikeluarkan setelah tempoh PKP tamat.

Nota : Pelaksanaan prosedur ini adalah bersifat sementara sehingga dimaklumkan kelak oleh JAKIM dan JAIN/MAIN.



**NOTA PENTING : SEMUA URUSAN ADALAH
MELALUI EMAIL & POS SAHAJA. TIADA
URUSAN DIKAUNTER.**

**BAHAGIAN PENGURUSAN HALAL
JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR
PUSAT ISLAM ISKANDAR
JALAN MASJID ABU BAKAR
80990 JOHOR BAHRU
JOHOR**



07-2282943



pengurusanhalaaljohor@gmail.com

pengurusanhalaipkp@gmail.com

